

Memori KORPORAT

UITM DALAM SEJARAH

MOU – ANTARA ITM DAN GLENMARIE HOTEL AND RESORT



Encik J. Roozemand, Pengarah Urusan, Rebak Marina Resort, Langkawi



Barisan tetamu undangan

Satu perjanjian persefahaman (MOU) telah ditandatangani antara ITM dengan Glenmarie Hotel & Resort iaitu anak syarikat HICOM Holding Berhad pada 2 Ogos 1996 di Rebak Marina Resort, Langkawi.

Perjanjian itu membolehkan pelajar-pelajar ITM dalam bidang perkhidmatan hotel diberi latihan di Rebak Marina Resort, Langkawi dan Tasik Kenyir Golf Resort, Terengganu. Seramai 30 pelajar sesi Julai telah menjalani latihan pelbagai kemahiran (multi skilling) selama 9 bulan dan selanjutnya akan menerima 130 pelajar bagi tujuan latihan amali di kedua-dua pusat peranginan dan perlaksanaan program adalah bagi tempoh 5 tahun. Pihak hotel akan memainkan peranan sebagai pusat

latihan bagi kursus-kursus perkhidmatan hotel dan bertanggungjawab menyediakan kemudahan latihan terkini.

Tenaga-tenaga pengajar adalah terdiri daripada pensyarah Kajian Pengurusan Hotel & Pelancongan dan pegawai-pegawai dari Glenmarie Hotels & Resorts.

Turut hadir pada upacara tersebut ialah Datuk Wira Abdul Rahman, Pengerusi ITM, Dato ' Dr. Hj. Ahmad Zaidee Ladin, Pengarah ITM, Dato ' Nik Mustaffa, Vice Presiden Glenmarie Hotels and Resort, Puan Chek Zaini Hassan, Dekan, Kajian Pengurusan Hotel & Pelancongan, Dr. Nor Saadah Hj. Ismail, Ketua BRC.



Rujukan:

MOU - Antara ITM Dan Glenmarie Hotel And Resort. (Bil.3, 1996). Berita Hot Tour News, p. 1.

Pembudayaan Ilmu
Membentuk Adiwangsa

UiTM di hatiku

او سها. تقوى. مولى

This item is available at
Jabatan Arkib Universiti

BIL: 138/MEI 2024